
PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2011

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan bertambah baik pada suku ketiga

Pada suku ketiga 2011, ekonomi global terus menghadapi persekitaran yang mencabar. Pasaran kewangan yang masih tidak menentu, keadaan fiskal yang tidak memuaskan dan pasaran pekerja yang lemah dalam ekonomi maju terus menimbulkan risiko terhadap pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun, seperti Malaysia. Meskipun menghadapi persekitaran yang mencabar, ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.8% (S2 11: 4.3%), disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Permintaan dalam negeri yang kukuh ini didorong oleh perbelanjaan isi rumah dan perniagaan yang meningkat serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Dari segi penawaran,

Pertumbuhan lebih tinggi pada suku ketiga
(pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku itu dengan sektor perkilangan mencatat prestasi yang nyata lebih baik, disokong oleh permintaan serantau yang mantap bagi keluaran berasaskan sumber dan pemulihan daripada gangguan rantaian global berikutan bencana alam di Jepun.

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 9.0% (S2 11: 5.6%), didorong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi dan peningkatan dalam perbelanjaan sektor awam. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.3% (S2 11: 6.4%), sejajar dengan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan manakala penggunaan awam pula meningkat sebanyak 21.7% (S2 11: 6.6%) berikutan perbelanjaan bagi emolumen dan bekalan serta perkhidmatan yang lebih tinggi serta pembayaran bonus pada suku ketiga. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 6.1% pada suku ketiga (S2 11: 3.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi, terutamanya perusahaan awam bukan kewangan, dan pelaburan sektor swasta yang terus meningkat. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan pada suku itu kebanyakannya disalurkan ke dalam sektor kemudahan awam, pendidikan, pengangkutan, serta sektor perdagangan dan industri. Pelaburan sektor swasta disokong oleh perbelanjaan modal dalam industri minyak dan gas; sektor telekomunikasi serta bidang pertumbuhan baharu seperti tenaga boleh diperbaharui dan kelengkapan perubatan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi bertambah kukuh pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan disokong terutamanya oleh aktiviti berasaskan dalam negeri. Pertumbuhan yang lebih tinggi bagi sektor perkilangan mencerminkan rantaian bekalan yang bertambah baik dan prestasi industri berorientasikan dalam negeri yang mantap. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dan dipacu oleh subsektor kejuruteraan awam. Pertumbuhan yang meningkat dalam sektor pertanian disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah asli yang kukuh. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan terus menguncup,

tetapi pada kadar yang lebih kecil berikutan pengeluaran minyak mentah yang telah terjejas akibat penutupan loji pengeluaran.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI), meningkat kepada 3.4% mengikut asas tahunan pada suku ketiga (S2 11: 3.3%). Kenaikan harga pengguna ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga sebanyak 4.8% (S2 11: 4.7%) dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*. Harga dalam kategori *pengangkutan* mencatat kenaikan yang lebih perlahan sebanyak 4.3% (S2 11: 5.7%), disebabkan ketiadaan pelarasan selanjutnya terhadap harga petrol RON95 dan diesel pada tahun 2011.

Dalam sektor luaran, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM26.6 bilion, bersamaan dengan 12.5% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih tinggi dan defisit pendapatan yang lebih kecil. Lebihan barangan bertambah besar kepada RM38.2 bilion pada S3 2011 disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang melebihi pertumbuhan import. Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 11.4% (S2 11: 8.8%), mencerminkan pengembangan berterusan dalam eksport barangan perkilangan bukan E&E dan komoditi. Pertumbuhan import kekal pada 7.4% (S2 11: 7.4%).

Akaun kewangan berubah daripada kedudukan aliran masuk bersih kepada aliran keluar bersih sebanyak RM23.3 bilion (S2 11: + RM44.5 bilion), disebabkan oleh aliran keluar bersih pelaburan portfolio yang besar dan aliran masuk bersih pelaburan langsung asing yang lebih kecil. Pada suku ketiga, pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia terus meningkat, manakala pelaburan lain mencatat semula aliran masuk bersih, terutamanya oleh sektor swasta. Imbangan pembayaran keseluruhan kekal kukuh, dengan lebihan yang dicatat sebanyak RM10.9 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM61.7 bilion), disebabkan lebihan yang lebih besar dalam akaun semasa lebih daripada mengimbangi kedudukan aliran keluar bersih dalam akaun kewangan.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM417.2 bilion (bersamaan dengan USD131 bilion) pada 30 September 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2011, kedudukan rizab telah meningkat kepada RM429.1 bilion, bersamaan dengan USD134.8 bilion dan memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku ketiga 2011, susulan kenaikan 25 mata asas pada bulan Mei. Pada paras semasa, OPR terus menyokong aktiviti ekonomi. Pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan penilaian ketidakpastian yang lebih ketara ekoran perkembangan global yang telah menyebabkan wujudnya peningkatan risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah.

Paras OPR yang kekal tidak berubah dicerminkan oleh kadar antara bank semalaman purata dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain yang stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (Fixed Deposit, FD) disebut purata, kadar pinjaman asas (Base Lending Rate, BLR) purata dan kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Dengan kadar pinjaman runcit masih di bawah paras prakrisis, kos pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi.

Aktiviti pembiayaan pada suku ketiga kekal berdaya tahan. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal pada RM223.9 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM224.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta

(Private Debt Securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.8%). Penunjuk pinjaman utama kekal kukuh pada suku ketiga.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM12.7 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM20.8 bilion), dengan 88% daripadanya atau RM11.1 bilion diperoleh sektor swasta, terutamanya melalui sekuriti hutang swasta. Dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku tersebut berjumlah RM1.6 bilion.

Pada suku ketiga, agregat monetari terus berkembang pada kadar yang mampan. Wang secara luas atau M3 mencatat pertumbuhan pada kadar tahunan 12.5% pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 11: 12.4%).

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku ketiga, sejajar dengan mata wang serantau lain. Susut nilai ini yang berlaku terutamanya pada bulan September 2011, mencerminkan kebimbangan yang semakin tinggi terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah dan kemampanan pemulihan ekonomi global, yang telah mengakibatkan penghindaran yang lebih tinggi terhadap pengambilan risiko dan mendorong sesetengah pelabur untuk menjual pegangan aset pasaran sedang pesat membangun. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 5.3% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (1.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-2.2%) dan yen Jepun (-9.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (4.5%) dan dolar Singapura (0.2%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang lain dalam julat 2.9% hingga 6.3%. Antara tempoh 1 Oktober hingga 16 November 2011, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%), yen Jepun (1.4%) dan euro (1.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.4%).

Berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (3.3%), dolar Singapura (0.4%) dan renminbi China (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (-0.1%), baht Thailand (-0.3%) dan won Korea (-3.0%).

Kestabilan kewangan kekal utuh

Kestabilan kewangan kekal utuh sepanjang suku ketiga disokong oleh institusi kewangan yang teguh dan pasaran kewangan yang teratur, yang terus memberikan sokongan kepada pengantaraan kewangan yang cekap bagi ekonomi dalam negeri. Risiko keseluruhan terhadap kestabilan kewangan kekal rendah walaupun dalam keadaan persekitaran luaran yang lebih mencabar.

Sektor perbankan terus memperlihatkan daya tahan yang tinggi, dengan penampan modal yang kukuh, keberuntungan yang mampan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Tahap nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko masing-masing kekal kukuh pada paras berhemat 12.5% dan 14.6%. Selain itu, sektor insurans dan takaful juga memperlihatkan daya tahan yang sama dengan nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 221.1%.

Ekonomi dalam negeri akan mencatat pertumbuhan dalam persekitaran luaran yang lebih mencabar

Ekonomi global terus pulih pada suku ketiga, tetapi pada kadar yang lebih sederhana dan tidak sekata. Prospek pertumbuhan global semakin tidak menentu berikutan risiko yang kian meningkat. Secara khususnya, kemungkinan meningkatnya kebimbangan mengenai kedudukan fiskal dalam ekonomi maju, yang akan menambah lagi tekanan terhadap sistem kewangan antarabangsa dan melemahkan prospek untuk pertumbuhan global yang berterusan.

Bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku ketiga disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan sektor luar negeri yang bertambah baik disebabkan oleh permintaan serantau yang kukuh. Melangkah ke hadapan, persekitaran antarabangsa yang lebih mencabar mungkin mewujudkan risiko yang lebih besar terhadap prospek pertumbuhan Malaysia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang meningkat. Aktiviti perbelanjaan dan pelaburan sektor awam juga dijangka menyokong pertumbuhan.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2011

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global terus berkembang dalam keadaan krisis hutang kerajaan di Eropah yang meningkat

Ekonomi global terus menghadapi persekitaran yang mencabar. Meskipun kesan gangguan terhadap rantaian bekalan global yang berpunca daripada bencana alam Jepun telah berkurang dengan ketara, cabaran-cabaran baharu telah muncul. Dalam persekitaran ini, aktiviti ekonomi global terus berkembang pada suku ketiga 2011, walaupun pada kadar yang sederhana. Aktiviti perkilangan meningkat semula dalam keadaan pemulihan yang stabil daripada gangguan rantaian bekalan global. Walau bagaimanapun, momentum pemulihan adalah lebih lemah daripada yang dijangka dengan sentimen terjejas oleh kebimbangan berkaitan kedudukan fiskal dalam keadaan ketidaktentuan yang semakin ketara dalam pasaran kewangan global. Dalam ekonomi maju, pertumbuhan terus dikekang oleh kadar pengangguran yang tinggi, pasaran perumahan yang lembap dan sentimen yang semakin lemah dalam keadaan dasar yang semakin tidak menentu. Pertumbuhan kekal berdaya tahan dalam kebanyakan ekonomi Asia, disokong oleh permintaan dalam negeri dan pemulihan secara beransur-ansur dalam pengeluaran global.

Keadaan pasaran kewangan antarabangsa merosot apabila perkembangan dalam ekonomi maju menyebabkan meningkatnya penghindaran risiko pada suku ketiga. Ini dicerminkan oleh kejatuhan yang ketara dalam pasaran ekuiti, aliran modal yang keluar semula secara mendadak dari ekonomi sedang pesat membangun dan meningkatnya permintaan terhadap aset yang lebih cair dan 'selamat'. Kadar hasil bon Perbendaharaan AS 10 tahun mencapai paras terendah manakala penambahan nilai yen Jepun dan franc Swiss yang mendadak telah mendorong pihak berkuasa untuk melaksana langkah-langkah yang ketat bagi membendung mata wang mereka daripada terus naik nilai. Terdapat beberapa peristiwa penting yang telah menjejaskan keyakinan pelabur. Pada bulan Ogos, ketidaktentuan pasaran kewangan yang ketara disebabkan terutamanya oleh kebimbangan yang semakin meluas terhadap isu-isu fiskal di AS, khususnya ketidakpastian dalam perbahasan tentang paras tertinggi hutang yang seterusnya mengakibatkan penurunan penarafan kredit kerajaan AS. Keyakinan pasaran terjejas lagi pada bulan September berikutan tercetus semula kebimbangan terhadap kemungkinan hutang kerajaan Greece dimungkiri. Meskipun pengumuman telah dibuat oleh para pemimpin Eropah mengenai rancangan pakej kedua untuk menyelamat Greece pada 21 Julai, pasaran kewangan masih mengalami turun naik yang ketara ekoran ketidakpastian terhadap rancangan tersebut dan kebimbangan yang kian meningkat terhadap risiko penularan ke ekonomi kawasan euro yang lain. Penarafan bagi kerajaan Itali dan Sepanyol, khususnya, telah diturunkan manakala kadar hasil bon jangka panjang mereka meningkat kepada paras tertinggi. Di samping itu, bank-bank di dalam rantau itu yang mempunyai pendedahan besar kepada hutang kerajaan yang bermasalah menghadapi tekanan pendanaan yang baharu. Pada bulan Oktober, keadaan kewangan global bertambah baik sedikit apabila para pelabur mulai yakin bahawa para pemimpin Eropah akan bersetuju dengan cara penyelesaian yang komprehensif terhadap krisis hutang tersebut, sekali gus mendorong kepada pemulihan dalam pasaran ekuiti dan kenaikan dalam hasil Perbendaharaan.

Pada suku ketiga, pertumbuhan ekonomi **AS** kekal pada 1.6% pada asas tahunan (S2 11: 1.6%). Berasaskan kadar tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi AS meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 2.5% (S2 11: 1.3%) disebabkan gangguan kepada rantaian bekalan yang berkaitan dengan bencana alam di Jepun berkurang manakala kesan harga

minyak yang lebih tinggi menjadi sederhana. Perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi mencerminkan jualan kenderaan bermotor yang meningkat semula dan peningkatan sektor perkhidmatan berikutan terdapatnya pengeluaran daripada simpanan peribadi. Walau bagaimanapun, kadar perbelanjaan penggunaan kekal sederhana disebabkan oleh penurunan dalam upah benar dan kekayaan kewangan bersih. Pelaburan tetap swasta meningkat sebanyak 17.4% (S2 11: 6.3%) berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan modal terhadap kelengkapan dan perisian yang mengimbangi sumbangan negatif daripada pelaburan inventori swasta. Eksport bersih terus menyokong pertumbuhan berikutan peningkatan dalam eksport yang mengimbangi import yang lebih tinggi. Inflasi naik sebanyak 3.8% (S2 11: 3.4%) disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi makanan, perumahan dan pakaian.

Pertumbuhan dalam ekonomi **kawasan euro** menjadi sederhana pada kadar tahunan 1.4% (S2 11: 1.6%) manakala pada asas suku tahunan, pertumbuhan kekal pada 0.2%, disokong oleh aktiviti ekonomi yang meningkat semula dalam ekonomi teras, iaitu Jerman dan Perancis. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di rantau ini kekal sederhana disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lemah kerana sentimen sektor swasta dalam kedua-dua ekonomi teras dan ekonomi lebih kecil terjejas oleh krisis hutang kerajaan yang semakin ketara pada suku itu. Dalam beberapa ekonomi yang telah menerima kesan tersebut, pengumuman langkah penjimatan tambahan terus memberikan tekanan kepada aktiviti ekonomi dalam negeri. Inflasi kekal tinggi, dengan harga pengguna meningkat pada kadar 2.7% (S2 11: 2.8%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam harga tenaga.

Di **UK**, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar menjadi sederhana pada kadar tahunan 0.5% (S2 11: 0.6%) . Walau bagaimanapun, pada asas suku tahunan, ekonomi berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 0.5% (S2 11: 0.1%) berikutan peningkatan semula aktiviti dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan yang terjejas oleh faktor-faktor sementara pada suku sebelumnya. Namun, permintaan dalam negeri terus menerima kesan daripada langkah-langkah penjimatan fiskal, sentimen yang lebih lemah dan harga pengguna yang lebih tinggi. Inflasi meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.7% (S2 11: 4.4%), didorong oleh harga tenaga yang lebih tinggi dan kenaikan cukai nilai tambah pada bulan Januari 2011.

Ekonomi **Jepun** mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang mendatar pada suku ketiga (S2 11: -1.1%). Ini merupakan peningkatan aktiviti ekonomi selepas mencatat pertumbuhan negatif dua suku berturut-turut sejak awal tahun. Berasaskan kadar tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 6% (S2 11: -1.3%), disokong oleh peningkatan semula eksport dan permintaan dalam negeri. Eksport mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 27.4% (S2 11: -18.4%) berikutan pemulihan dalam penghantaran kereta dan alat ganti. Di dalam negeri, penggunaan swasta terus bertambah baik, disokong oleh keyakinan pengguna yang meningkat. Harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) naik sebanyak 0.2% (S2 11: -0.3%) disebabkan oleh harga tenaga yang lebih tinggi.

Dasar monetari ekonomi maju kekal akomodatif. Di Amerika Syarikat, **Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) mengekalkan kadar dana federal pada 0 - 0.25% dan menetapkan untuk terus mengekalkan kadar tersebut pada paras yang rendah, sekurang-kurangnya sehingga pertengahan tahun 2013. Di samping itu, FOMC mengumumkan program pelanjutan tempoh kematangan termasuk pembelian sekuriti jangka panjang Perbendaharaan bernilai USD400 bilion sambil pada masa yang sama menjual sekuriti jangka pendek pada jumlah yang sama. Di kawasan euro, **European Central Bank** (ECB) menaikkan kadar dasarnya pada 7 Julai sebanyak 25 mata asas kepada 1.50% untuk menangani

tekanan inflasi yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, pada bulan Oktober, di tengah-tengah keadaan peningkatan risiko pertumbuhan yang lebih rendah yang disebabkan terutamanya oleh tekanan dalam pasaran kewangan, ECB memperkenalkan kemudahan pembiayaan semula jangka lebih panjang dan mengumumkan program

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	2.5	2.4	0.4	1.3[d]	2.5[a]
Jepun[1]	2.9	-2.7	-2.7	-1.3[d]	6.0[p]
Kawasan euro	2.1	1.9	2.4	1.6	1.4[p]
UK	2.6	1.3	1.6	0.6[d]	0.5[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

pembelian bon lindungan baharu bernilai €40 bilion untuk menyediakan mudah tunai tambahan kepada sektor kewangan. ECB kemudiannya menurunkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 1.25% pada 3 November memandangkan prospek pertumbuhan didapati bertambah lembap. **Bank of England** (BoE) mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5% pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, BoE mengumumkan langkah sokongan kuantitatif seterusnya pada bulan Oktober dengan meningkatkan program pembelian asetnya sebanyak £75 bilion kepada £275 bilion bagi membantu pemulihan ekonomi yang agak lembap di UK. **Bank of Japan** (BoJ) mengekalkan kadar dasar semalamannya dalam julat 0 – 0.1%, dan pada bulan Ogos dan Oktober, program pembelian aset dan pinjaman berkadar tetapnya telah bertambah sehingga masing-masing berjumlah ¥20 trilion dan ¥35 trilion. BoJ turut melanjutkan program pinjaman sebanyak ¥1 trilion kepada institusi kewangan di kawasan yang terjejas oleh bencana alam untuk tempoh enam bulan lagi sehingga bulan April 2012.

Aktiviti ekonomi di **Asia** terus berkembang pada suku ketiga berikutan pemulihan dalam rangkaian rantaian bekalan global. Eksport serantau disokong oleh permintaan dari Asia dan ekonomi sedang pesat membangun yang lain, manakala ekonomi pengeksport komoditi terus mendapat manfaat daripada harga komoditi yang tinggi. Permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan di rantau ini memandangkan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan upah yang semakin meningkat, menjadikan penggunaan swasta terus mampan, manakala kadar kapasiti penggunaan yang bertambah baik telah sedikit sebanyak menyokong aktiviti pelaburan. Pertumbuhan ekonomi **Singapura** menjadi bertambah pesat kepada 5.9% (S2 11: 1.0%), apabila pertumbuhan yang kembali pulih bagi kelompok perkilangan bioperubatan telah menyokong ekonomi negara itu dalam keadaan perkilangan berkaitan elektronik yang terus lembap. Ekonomi **Indonesia** kekal mampan

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	9.6	9.8	9.7	9.5	9.1
Singapura	10.5	12.0	9.3	1.0[d]	5.9[a]
Korea	4.4	4.7	4.2	3.4[d]	3.4[a]
China Taipei	10.7	7.1	6.2	5.0	3.4[a]
Indonesia	5.8	6.9	6.5	6.5	6.5
Hong Kong SAR	6.9	6.4	7.5	5.3[d]	4.3[p]

[p] Awalan
[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

pada 6.5% (S2 11: 6.5%) hasil daripada pengembangan menyeluruh dalam permintaan dalam negeri dan eksport. Kadar pertumbuhan ekonomi **Korea** pula kekal pada 3.4% (S2 11: 3.4%) disokong oleh perbelanjaan kerajaan. Di **RR China**, pertumbuhan ekonominya menjadi sederhana kepada 9.1% (S2 11: 9.5%) disebabkan oleh pengembangan yang lebih perlahan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Ekonomi **Hong Kong** tumbuh

pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.3% (S2 11: 5.3%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport. Ekonomi **China Taipei** menjadi sederhana kepada 3.4% (S2 11: 5.0%) disebabkan oleh penguncupan dalam perbelanjaan modal dan juga penggunaan swasta yang lebih rendah.

Tekanan inflasi di rantau ini terus tinggi. Inflasi keseluruhan meningkat lagi di RR China dan Korea disebabkan oleh kenaikan harga makanan, manakala inflasi di Hong Kong telah didorong terutamanya oleh kenaikan sewa rumah kediaman. Kadar inflasi teras juga menunjukkan trend meningkat dalam beberapa ekonomi, iaitu di Hong Kong, Indonesia, Korea dan Thailand, mencerminkan tekanan terhadap permintaan. Susulan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan tekanan inflasi yang lebih tinggi, beberapa bank pusat di rantau ini meneruskan langkah mengembalikan kadar faedah dasar ke paras yang lebih wajar ataupun mengetatkan kadar faedah dasar pada suku ketiga. **People's Bank of China** menaikkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 6.56% pada bulan Julai untuk membendung tekanan inflasi. **Reserve Bank of India** pula menaikkan kadar belian semulanya sebanyak 100 mata asas pada bulan Julai, September dan Oktober kepada 8.50% berikutan faktor kebimbangan yang sama. Sambil mengekalkan kadar faedah penanda arasnya, **Bangko Sentral ng Pilipinas** menaikkan nisbah keperluan rizab bank sebanyak 100 mata asas kepada 21% pada bulan Julai untuk menguruskan mudah tunai dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, pada bulan Oktober, bank pusat di rantau ini mula mengkaji semula imbangan risiko yang wujud antara langkah menyokong pertumbuhan dengan langkah membendung inflasi memandangkan ketidakpastian yang makin tinggi dalam ekonomi global. Dalam keadaan tekanan inflasi yang lebih sederhana dan tanda-tanda kelembapan ekonomi global yang semakin nyata, **Bank Indonesia** menurunkan kadar faedah penanda arasnya sebanyak 75 mata asas kepada 6.00% pada bulan Oktober dan November. Dengan prospek global yang semakin tidak pasti, ditambah pula oleh banjir besar yang melanda Thailand, **Bank of Thailand** buat pertama kalinya tahun ini mengekalkan kadar belian semula 1 harinya setelah bertindak menaikkan kadar dasarnya sebanyak enam kali sejak bulan Januari, termasuk 25 mata asas setiap kali pada bulan Julai dan Ogos.

Harga **minyak mentah**[1] menjadi sederhana pada suku ketiga dan berpurata pada USD90 setong (S2 11: USD102 setong). Kemerosotan harga minyak adalah disebabkan oleh jangkaan bahawa permintaan akan menjadi lebih lemah akibat kebimbangan yang meningkat terhadap ketidakpastian prospek pertumbuhan global. Tambahan lagi, keadaan penawaran yang bertambah baik ekoran pengeluaran semula minyak di Libya turut membantu menurunkan harga minyak mentah. Menjelang akhir suku ketiga, minyak mentah diniagakan pada harga terendah dalam tempoh 12 bulan, iaitu USD79 setong. Namun, pada bulan Oktober, trend harga minyak yang menurun telah bertukar arah dan naik semula disebabkan oleh keyakinan terhadap pengumuman langkah yang lebih meyakinkan yang akan diambil oleh pemimpin di Eropah untuk menyelesaikan krisis hutang kerajaan. Pada 18 Oktober, harga minyak mentah meningkat kepada USD88.30 setong.

Pasaran pertukaran asing di seluruh dunia mengalami ketidaktentuan yang ketara pada suku ketiga apabila para pelabur menyelaraskan kedudukan mereka susulan pelbagai peristiwa penting yang menjejaskan ekonomi dunia. Dolar Amerika Syarikat menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau. Kekuatan dolar Amerika Syarikat disokong oleh aliran pencarian mudah tunai (flight to liquidity) disebabkan oleh kebimbangan terhadap kemampanan pertumbuhan global. Euro menjadi lemah pada suku ketiga ekoran krisis hutang kerajaan yang semakin meruncing di Eropah. Pada masa yang sama, tindakan

[1] Merujuk kepada harga West Texas Intermediate niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

penghindaran risiko yang lebih ketara telah mengakibatkan penyusutan nilai mata wang serantau berbanding dengan dolar Amerika. Tidak termasuk renminbi, penyusutan nilai yang ketara yang dialami oleh kebanyakan mata wang serantau pada bulan September telah meluputkan kesan penambahan nilai yang dicatat pada awal tahun ini. Sebaliknya, yen Jepun menjadi lebih kukuh berbanding dengan dolar Amerika disebabkan oleh aliran mata wang selamat (safe haven flows). Di sebalik kemerosotan sementara yang berlaku ekoran campur tangan secara sendirian (unilateral) oleh Bank of Japan pada awal bulan Ogos, yen telah diniagakan hingga hampir mencecah paras tertingginya dalam sejarah dan mengakhiri suku ketiga pada ¥77 bagi setiap dolar Amerika.

Ketidakpastian prospek pertumbuhan global menjadi semakin ketara ekoran meningkatnya risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah, yang diburukkan lagi oleh kelembapan berterusan dalam ekonomi maju. Secara khususnya, kemungkinan meningkatnya kebimbangan yang berterusan mengenai keadaan fiskal dalam ekonomi maju akan menambah lagi tekanan terhadap sistem kewangan antarabangsa dan menjejaskan prospek pertumbuhan global seterusnya.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan bertambah baik pada suku ketiga

Pada suku ketiga 2011, ekonomi global terus berhadapan dengan beberapa cabaran. Ketidakpastian yang berlanjutan dalam pasaran kewangan, keadaan fiskal yang tidak memuaskan dan pasaran pekerja yang lemah dalam ekonomi maju terus memberikan risiko kepada pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun seperti Malaysia. Meskipun menghadapi persekitaran yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.8% (S2 11: 4.3%), hasil daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Permintaan dalam negeri yang kukuh dipacu oleh perbelanjaan isi rumah dan sektor perniagaan yang meningkat serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku ketiga, dengan sektor perkilangan mencatat prestasi yang nyata lebih baik disokong oleh permintaan serantau yang mantap bagi keluaran berasaskan sumber dan pemulihan daripada gangguan rantaian bekalan berikutan bencana alam di Jepun.

Permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih pantas

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 9.0% pada suku ketiga (S2 11: 5.6%). Pertumbuhan didorong oleh pengembangan dalam perbelanjaan isi rumah dan sektor perniagaan serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi.

Penggunaan swasta meningkat dengan kukuh pada 7.3% (S2 11: 6.4%) berikutan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan hasil daripada keadaan pasaran pekerja yang kekal stabil dan pembayaran bonus setengah bulan kepada kakitangan awam. Harga komoditi yang teguh terus menyokong pendapatan isi rumah luar bandar. Sentimen pengguna yang bertambah baik, seperti ditunjukkan oleh peningkatan dalam Indeks Sentimen Pengguna MIER Suku Ketiga (108.7 mata; S2 11: 107.9 mata), turut merangsang perbelanjaan pada suku tersebut. Penunjuk penggunaan utama menunjukkan peningkatan yang mampan dalam perbelanjaan pengguna. Ini termasuk jualan makanan dan minuman, jualan kereta penumpang baharu, import barangan penggunaan, pemberian pinjaman bank kepada isi rumah serta perbelanjaan kad kredit.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)


	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	4.9	5.9	7.3	5.6	9.0
Penggunaan	3.3	4.8	7.6	6.4	9.9
Sektor swasta	*6.7*	*6.4*	*6.7*	*6.4*	*7.3*
Sektor awam	*-9.8*	*0.1*	*11.7*	*6.6*	*21.7*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	10.1	10.0	6.5	3.2	6.1
Eksport Bersih	-30.8	-19.2	-39.6	17.2	18.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*6.8*	*1.7*	*1.4*	*4.1*	*4.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*11.2*	*3.5*	*8.4*	*3.2*	*3.2*
KDNK	**5.3**	**4.8**	**5.2**	**4.3**	**5.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan awam berkembang sebanyak 21.7% (S2 11: 6.6%) berikutan perbelanjaan bagi emolumen, bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi serta pembayaran bonus pada suku ketiga. Ini mencerminkan langkah-langkah berterusan Kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan penyampaian awam melalui pembaikan dan penyelenggaraan barang awam dan penyediaan perkhidmatan asas seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 6.1% pada suku ketiga (S2 11: 3.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi, khususnya perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan pelaburan sektor swasta yang terus meningkat. Pelaburan sektor swasta mendapat manfaat daripada pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan dan sentimen perniagaan yang positif. Selain itu, pelaburan tersebut juga mencerminkan

Perniagaan dan pengguna terus optimistik



Sumber: MIER

aktiviti cari gali dan pembangunan yang sedang dijalankan dalam industri minyak dan gas serta pengembangan dalam sektor telekomunikasi. Kapasiti baharu terus ditambah kepada industri tenaga boleh diperbaharui dan kelengkapan perubatan. Penunjuk pelaburan utama seperti jualan kenderaan perdagangan, pengeluaran dan jualan bahan berkaitan pembinaan serta pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan telah menunjukkan pertumbuhan yang stabil lantas menjurus kepada pengembangan berterusan dalam perbelanjaan modal sektor swasta. Sentimen perniagaan adalah positif seperti ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang kekal melebihi tahap penanda aras 100 mata (104.5 mata; S2 11: 114.0 mata). Sejumlah besar daripada perbelanjaan pembangunan kerajaan pada suku ketiga disalurkan kepada sektor kemudahan awam, pendidikan, pengangkutan, serta perdagangan dan perindustrian, manakala pelaburan oleh PABK disalurkan terutamanya ke dalam sektor minyak dan gas, kemudahan awam dan pengangkutan.

Pertumbuhan sektor ekonomi utama lebih kukuh

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi adalah lebih kukuh pada suku ketiga, dipacu oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Prestasi sektor perkhidmatan yang lebih baik disokong terutamanya oleh aktiviti-aktiviti dalam negeri, manakala bagi sektor perkilangan pula, pertumbuhannya mencerminkan keadaan rantaian bekalan yang

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	3.0	-3.9	-0.2	6.9	8.2
Perlombongan	-0.7	-1.2	-4.2	-9.2	-6.1
Perkilangan	7.6	6.2	5.5	2.1	5.1
Pembinaan	2.8	5.6	3.8	0.6	3.0
Perkhidmatan	5.3	6.1	7.0	6.8	7.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.3**	**4.8**	**5.2**	**4.3**	**5.8**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**2.3**	**1.7**	**-2.5**	**2.8**	**3.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2010 (%)	2010		2011		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**6.7**	**6.0**	**6.8**	**6.0**	**6.0**
Kewangan & insurans	20.3	6.4	3.7	6.8	5.6	4.6
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.5	6.3	8.7	8.8	7.6	6.7
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	5.6	5.2	4.3	4.7	6.1
Komunikasi	7.4	9.2	9.8	6.4	6.4	8.7
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**4.2**	**6.3**	**7.1**	**7.5**	**7.9**
Perdagangan borong & runcit	23.6	5.7	8.3	6.8	7.3	9.0
Penginapan & restoran	4.2	5.1	3.7	4.0	5.6	5.4
Utiliti	5.2	3.8	4.2	1.3	2.4	4.6
Perkhidmatan Kerajaan	13.0	2.0	6.1	13.7	12.8	10.7
Perkhidmatan lain	10.2	3.7	3.9	3.9	4.6	4.3
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**5.3**	**6.1**	**7.0**	**6.8**	**7.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2010			2011		
	S2	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	110.4	115.8	117.2	108.2	107.9	108.7
Indeks Perdagangan Runcit MIER	134.1	140.0	132.0	99.1	120.8	150.0
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	118.2	118.8	124.6	113.1	125.4	115.2
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	3.9	5.6	1.2	-3.7	-4.8	n.a.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	14.1	10.0	6.3	11.8	13.4	10.8
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	10.6	10.7	9.8	9.5	8.7	8.5
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	8.6	7.3	7.5	7.2	6.8	9.6
Import barangan penggunaan	12.8	2.8	6.9	5.8	17.5	26.5
Jumlah jualan kenderaan bermotor	17.4	3.7	9.3	7.5	-9.7	0.6
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	21.3	10.9	9.6	14.4	9.6	9.8


Sumber: Pelbagai sumber

bertambah baik dan peningkatan pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri. Sektor pembinaan juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong oleh subsektor kejuruteraan awam. Sektor pertanian terus berkembang, manakala sektor perlombongan pula menguncup pada kadar yang lebih perlahan.

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 7.0% pada suku ketiga 2011 (S2 11: 6.8%) dan menyumbangkan sebanyak 4.0 mata peratusan kepada pertumbuhan keseluruhan. Pertumbuhan sektor ini disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Subsektor **perdagangan borong dan runcit** meningkat sebanyak 9.0% (S2 11: 7.3%). Pertumbuhan dalam segmen runcit kekal berdaya tahan disebabkan oleh penggunaan swasta yang kukuh. Peningkatan dalam penggunaan swasta turut mendorong pertumbuhan yang berterusan dalam subsektor **penginapan dan restoran** (5.4%; S2 11: 5.6%). Subsektor **kewangan dan insurans** berkembang sebanyak 4.6% (S2 11: 5.6%) didorong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi seiring dengan pertumbuhan pinjaman. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan sebanyak 6.7% (S2 11: 7.6%), didorong oleh aktiviti berkaitan pasaran modal yang menggalakkan pada suku tersebut.

Dalam **sektor perkilangan**, nilai ditambahnya meningkat kepada 5.1% (S2 11: 2.1%) hasil daripada peningkatan dalam pengeluaran industri berorientasikan dalam negeri dan berorientasikan eksport. Dalam **industri berorientasikan eksport**, pertumbuhan disokong oleh kelompok berasaskan sumber, dengan industri kimia dan keluaran kimia mencatat kadar pengeluaran yang lebih cepat pada suku ketiga didorong oleh permintaan serantau yang kukuh. Sementara itu, pengeluaran E&E terus merosot, namun pada kadar yang lebih perlahan memandangkan permintaan serantau yang berterusan terhadap separa konduktor telah lebih daripada

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkilangan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**7.6**	**6.2**	**5.5**	**2.1**	**5.1**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**7.2**	**6.6**	**5.9**	**2.2**	**5.2**
Industri berorientasikan eksport	**6.4**	**4.6**	**5.1**	**1.7**	**3.8**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**9.6**	**0.1**	**-5.3**	**-5.5**	**-0.5**
Antaranya:					
Elektronik	-7.4	-16.5	-18.1	-13.4	-3.8
Keluaran elektrik	44.6	34.8	17.9	6.8	4.0
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**4.7**	**7.2**	**11.3**	**6.0**	**6.3**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	8.0	4.7	5.5	6.1	9.2
Keluaran petroleum	0.2	16.3	26.0	1.4	1.7
Keluaran getah	17.5	12.7	12.4	18.3	15.5
Pemprosesan di luar estet	2.9	-14.1	-7.4	17.6	9.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**9.8**	**13.6**	**8.9**	**3.8**	**9.7**
Kelompok keluaran berkaitan pembinaan	**9.3**	**22.2**	**22.1**	**17.4**	**18.6**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	14.8	20.4	15.3	15.4	13.0
Keluaran logam yang direka	2.5	24.7	32.0	20.1	26.5
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**10.1**	**7.6**	**-0.3**	**-6.2**	**3.3**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	20.7	20.8	-3.9	-14.7	-0.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	11.1	9.3	6.7	2.1	4.6

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

mengimbangi kemerosotan dua angka dalam pengeluaran komputer dan peralatannya. Sebaliknya, prestasi kelompok **industri berorientasikan dalam negeri** yang mantap mencerminkan pemulihan dalam kelompok berkaitan pengguna dan pengukuhan selanjutnya dalam kelompok berkaitan pembinaan. Pemulihan dalam kelompok berkaitan pengguna disebabkan terutamanya oleh pengeluaran kelengkapan pengangkutan yang secara beransur-ansur kembali pulih berikutan tekanan terhadap rantaian bekalan automotif global yang semakin berkurang.

Kadar kapasiti penggunaan keseluruhan sektor perkilangan kekal mampan (78%; S2 11: 78%). Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri beroperasi pada tahap 79% dan 76% daripada jumlah kapasiti masing-masing pada suku ketiga (S2 11: masing-masing 78% dan 76%).

Dalam sektor komoditi, nilai ditambah **sektor pertanian** meningkat kepada 8.2% (S2 11: 6.9%), mencerminkan terutamanya pengeluaran minyak sawit mentah dan getah asli yang terus kukuh selain pemulihan dalam pengeluaran perikanan dan perhutanan. Walau bagaimanapun, **sektor perlombongan** menguncup sebanyak 6.1% (S2 11: -9.2%) berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah kerana penutupan beberapa loji pengeluaran minyak mentah untuk tujuan penyelenggaraan, serta kemerosotan pengeluaran daripada medan minyak yang telah matang dan pengeluaran medan minyak baharu yang lebih rendah daripada jangkaan.

Prestasi Sektor Pertanian

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**3.0**	**-3.9**	**-0.2**	**6.9**	**8.2**
Tanaman Industri	**-1.9**	**-10.2**	**-8.3**	**9.9**	**10.4**
Tanaman Makanan	**8.7**	**4.5**	**8.9**	**3.5**	**5.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	3.1	-15.1	-7.7	22.2	12.8
Getah	0.4	6.1	2.5	16.8	15.8
Ikan	6.1	2.4	2.0	-1.4	2.7
Ternakan	2.6	-2.2	-6.3	6.7	5.6

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-0.7**	**-1.2**	**-3.0**	**-9.2**	**-6.1**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-5.5	-4.4	-7.3	-17.8	-9.9
Gas asli	5.6	0.2	-0.9	2.7	-1.5

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 3.0% pada suku ketiga (S2 11: 0.6%), dipacu oleh prestasi subsektor kejuruteraan awam yang kembali

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	8.6	13.0	25.1	11.6	6.0
Kelulusan perumahan	43.1	31.7	31.6	14.1	54.1
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	9.3	22.2	22.1	17.4	18.6
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	77.0	49.7	29.3	31.8	-20.5
Import bahan pembinaan dan bahan galian	13.7	23.1	-1.2	23.3	24.4

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pulih. Selain kemajuan yang dicapai dalam projek utama seperti Jambatan Pulau Pinang Kedua dan KLIA2, subsektor kejuruteraan awam juga disokong oleh peningkatan dalam pelaksanaan projek infrastruktur lain. Subsektor kediaman terus berkembang didorong oleh pembiayaan yang akomodatif dan keadaan pasaran pekerja yang stabil, manakala pertumbuhan subsektor bukan kediaman disokong oleh pembinaan harta tanah komersial yang sedang dilaksanakan.


Inflasi meningkat pada suku ketiga

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.4% pada asas tahunan pada suku ketiga (S2 11: 3.3%). Kenaikan harga pengguna disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* sebanyak 4.8% (S2 11: 4.7%). Kenaikan harga makanan terutamanya disebabkan oleh harga dalam kategori *makanan di luar rumah* yang meningkat secara beransur-ansur sejak awal tahun 2011 (4.9%; S2 11: 4.4%). Harga dalam kategori *ikan dan makanan laut* juga mencatat peningkatan inflasi sebanyak 6.7% pada suku ketiga (S2 11: 5.2%).

Harga dalam kategori *pengangkutan* naik lebih perlahan sebanyak 4.3% (S2 11: 5.7%) pada suku ketiga berikutan tiadanya pelarasan seterusnya terhadap harga petrol RON95 dan diesel pada tahun 2011. Kesan daripada kenaikan harga pada suku ketiga telah dapat dikurangkan sebahagiannya oleh penurunan harga dalam kategori *komunikasi* serta *pakaian dan kasut*.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 10.9% pada asas tahunan pada suku ketiga (S2 11: 10.2%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi adalah lebih tinggi sebanyak 29.6% (S2 11: 27.1%). Harga komponen bukan berkaitan komoditi dalam IHPR tidak berubah pada 2.3% (S2 11: 2.3%). Harga komponen

Sumbangan kepada Inflasi




Sumber: Bank Negara Malaysia

IHPR tempatan meningkat sebanyak 14.9% (S2 11: 13.6%) manakala harga komponen IHPR yang diimport mencatat peningkatan lebih perlahan sebanyak 2.3% (S2 11: 2.8%).

Keadaan pasaran pekerja stabil

Secara keseluruhan, keadaan pasaran pekerja kekal stabil, dengan kadar pengangguran tidak berubah pada 3.0% pada dua bulan pertama suku ketiga (S2 11: 3.0%). Pemberhentian pekerja bertambah kepada 3,605 orang (S2 11: 1,105 orang), sebahagian besarnya disebabkan oleh peristiwa yang berlaku sekali sahaja pada bulan Ogos, apabila sebanyak 2,545 orang pekerja telah diberhentikan kerja. Penutupan beberapa syarikat dalam segmen industri E&E bawahan dan perabot mencakupi 77% daripada jumlah pemberhentian pekerja pada bulan tersebut. Meskipun pemberhentian pekerja lebih

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

tinggi, terdapat pertambahan pekerjaan bersih terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri (bilangan pekerja pada bulan Julai – Ogos: 12.32 juta orang; S2 11: 12.13 juta orang).

Permintaan terhadap pekerja pada suku ketiga kekal tinggi seperti ditunjukkan oleh peningkatan dalam bilangan jawatan kosong yang diiklankan di Portal JobsMalaysia (431,437 jawatan; S2: 514,189 jawatan). Pengurangan dalam jumlah jawatan kosong berbanding dengan suku sebelumnya mencerminkan bilangan peluang pekerjaan yang lebih rendah dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Upah benar dalam sektor perkilangan meningkat dengan lebih perlahan berbanding dengan suku sebelumnya (3.9%: S2 11: 4.7%).

Sektor luaran terus kukuh

Imbangan pembayaran keseluruhan terus kukuh dengan mencatat lebihan sebanyak RM10.9 bilion pada S3 2011 (S2 11: RM61.7 bilion), apabila lebihan yang lebih besar dalam akaun semasa telah lebih daripada mengimbangi kedudukan aliran keluar bersih dalam akaun kewangan.

Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM26.6 bilion yang bersamaan dengan 12.5% daripada Pendapatan Negara Kasar disebabkan oleh lebihan barangan

Imbangan Pembayaran

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	**20.2**	**23.8**	**25.9**	**23.4**	**26.6**
(% daripada PNK)	*10.7*	*11.9*	*13.1*	*11.5*	*12.5*
Barangan	28.0	32.3	38.1	36.3	38.2
Perkhidmatan	1.1	0.9	-1.3	-0.7	-2.4
Pendapatan	-3.5	-4.0	-5.7	-6.9	-3.8
Pindahan semasa	-5.3	-5.5	-5.2	-5.3	-5.3
Akaun Kewangan	**-3.3**	**1.2**	**-6.0**	**44.5**	**-23.3**
Pelaburan langsung di luar negeri	-24.1	-8.9	-10.1	-7.9	-12.9
Pelaburan langsung asing	6.5	10.7	11.1	10.2	5.2
Pelaburan Portfolio	18.3	3.5	8.4	48.1	-23.4
Derivatif kewangan	0.8	0.1	0.1	0.4	-0.3
Pelaburan lain	-4.8	-4.3	-15.5	-6.3	8.2
- Sektor awam	*1.4*	*-0.2*	*-0.5*	*-0.2*	*-0.5*
- Sektor swasta	*-6.2*	*-4.2*	*-14.9*	*-6.1*	*8.7*
Kesilapan dan Ketinggalan	-15.9	-7.0	-4.0	-6.2	7.6
Imbangan Keseluruhan	**1.0**	**17.9**	**15.9**	**61.7**	**10.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**9.0**	**3.3**	**4.9**	**8.8**	**11.4**
Perkilangan	5.4	-0.3	-0.6	1.6	4.9
E&E	*4.0*	*-8.0*	*-7.5*	*-5.0*	*-4.0*
Bukan E&E	*7.1*	*10.2*	*7.5*	*9.4*	*15.8*
Komoditi	25.0	15.8	19.5	28.9	28.6
Pertanian	*17.8*	*31.9*	*26.5*	*43.3*	*44.9*
Mineral	*30.1*	*5.7*	*14.8*	*19.3*	*17.8*
Import Kasar	**16.4**	**10.2**	**12.5**	**7.4**	**7.4**
Barangan modal	18.4	9.0	16.7	10.2	5.6
Barangan pengantara	16.1	10.6	12.5	3.8	3.7
Barangan penggunaan	2.8	6.9	5.8	17.5	26.5
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**22.1**	**25.5**	**31.8**	**27.4**	**30.1**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2010		2011			2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-1.3**	**-11.0**	**-8.0**	**-7.1**	**-3.6**	**9.7**	**9.1**	**8.3**	**8.5**	**8.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**10.6**	**0.3**	**5.3**	**3.4**	**6.3**	**10.8**	**10.8**	**10.7**	**10.2**	**10.3**
Negara ASEAN terpilih[1]	**4.4**	**1.9**	**0.1**	**6.3**	**10.1**	**24.1**	**25.3**	**24.6**	**24.6**	**23.8**
Timur Laut Asia	**7.0**	**1.4**	**2.5**	**9.0**	**14.6**	**24.6**	**24.2**	**24.4**	**24.5**	**25.3**
Republik Rakyat China	*2.4*	*-0.5*	*3.9*	*9.7*	*27.1*	*12.4*	*12.3*	*12.9*	*12.5*	*14.2*
Hong Kong SAR	*-1.7*	*-0.7*	*0.0*	*-4.6*	*-2.2*	*5.2*	*5.0*	*4.6*	*4.7*	*4.5*
China Taipei	*18.0*	*30.6*	*16.9*	*14.7*	*4.3*	*3.4*	*3.3*	*3.2*	*3.3*	*3.2*
Korea	*32.1*	*-8.3*	*-8.3*	*22.1*	*5.0*	*3.6*	*3.7*	*3.8*	*4.0*	*3.4*
Asia Barat	**-8.1**	**11.0**	**17.6**	**13.1**	**11.9**	**3.4**	**3.7**	**3.7**	**3.7**	**3.4**
India	**28.2**	**20.2**	**24.2**	**45.6**	**36.0**	**3.5**	**3.3**	**3.9**	**4.1**	**4.3**
Jumlah eksport	**9.0**	**3.3**	**4.9**	**8.8**	**11.4**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

yang lebih tinggi dan defisit pendapatan yang lebih rendah. Lebihan barangan meningkat kepada RM38.2 bilion pada suku ketiga 2011 apabila pertumbuhan eksport mengatasi pertumbuhan import. Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 11.4% (S2 11: 8.8%), mencerminkan pengembangan berterusan dalam eksport produk perkilangan bukan E&E dan komoditi. Pertumbuhan import kekal pada 7.4% (S2 11: 7.4%).

Prestasi eksport yang lebih kukuh mencerminkan pengembangan menyeluruh dalam kesemua sektor eksport utama. Pertumbuhan eksport yang lebih tinggi bagi produk bukan E&E adalah terutamanya hasil daripada permintaan yang lebih tinggi terhadap kimia dan produk kimia; peralatan dan kelengkapan jentera, produk logam serta produk besi dan keluli. Kenaikan harga dan juga permintaan yang lebih tinggi terhadap komoditi telah merangsang eksport komoditi. Sebaliknya, eksport produk E&E terus lemah disebabkan oleh permintaan global terhadap komputer dan produk berkaitan komputer yang lembap.

Pertumbuhan import kasar kekal pada 7.4% pada S3 2011. Eksport perkilangan yang bertambah baik telah menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan dalam import barangan pengantara. Import barangan penggunaan meningkat dengan nyata, terutamanya import kelengkapan pengangkutan serta makanan dan minuman. Pertumbuhan import modal menjadi sederhana disebabkan oleh berkurangnya import barangan besar manakala import barangan modal untuk pengembangan kapasiti terus meningkat.

Pada suku ketiga, **akaun pendapatan** mencatat defisit yang lebih rendah sebanyak RM3.8 bilion disebabkan oleh peningkatan pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dan penurunan pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia. Defisit **akaun perkhidmatan** bertambah kepada RM2.4 bilion disebabkan terutamanya oleh penerimaan yang lebih rendah daripada perkhidmatan berkaitan perjalanan dan kenaikan bayaran bagi perkhidmatan pengangkutan yang diimport.

Akaun kewangan berubah daripada kedudukan aliran masuk bersih kepada aliran keluar bersih sebanyak RM23.3 bilion pada S3 2011 (S2 11: +RM44.5 bilion), disebabkan oleh aliran keluar bersih pelaburan portfolio yang besar serta aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih kecil. **Pelaburan portfolio** bertukar arah untuk mencatat aliran keluar

bersih yang besar sebanyak RM23.4 bilion pada suku ketiga (S2 11: +RM48.1 bilion), terutamanya disebabkan oleh penjualan sekuriti hutang dan sekuriti ekuiti oleh pelabur asing dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan global yang semakin ketara.

Pelaburan langsung asing (foreign direct imvestment, FDI) mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM5.2 bilion (S2 11: +RM10.2 bilion) apabila pendapatan tertahan syarikat multinasional (MNC) di Malaysia yang lebih tinggi telah diimbangi sebahagiannya oleh aliran masuk ekuiti dan modal lain yang lebih rendah. Pada suku ketiga, sejumlah besar daripada aliran masuk FDI adalah oleh syarikat dalam sektor perkilangan, terutamanya subsektor E&E dan petrokimia. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas serta subsektor kewangan dan insurans adalah besar. Yang penting, FDI bersih pada sembilan bulan pertama tahun ini adalah lebih tinggi berbanding dengan pelaburan pada tempoh yang sama tahun 2010, yang pada amnya menunjukkan bahawa aliran masuk FDI ke Malaysia terus bertambah baik (Jan-Sept 2011: +RM26.4 bilion; Jan-Sept 2010: +RM18.6 bilion).

Pelaburan langsung luar negeri (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia terus meningkat dan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM12.9 bilion pada suku ketiga (S2 11: -RM7.9 bilion). DIA bersih yang lebih besar ini mencerminkan aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi dan perolehan tertahan yang lebih besar di luar negeri. Kebanyakan daripada pelaburan ini disalurkan kepada subsektor kewangan dan insurans, serta subsektor minyak dan gas, terutamanya di negara-negara Asia.

Pelaburan lain mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM8.2 bilion (S2 11: -RM6.3 bilion), mencerminkan terutamanya perubahan daripada kedudukan aliran keluar bersih kepada aliran masuk bersih yang besar oleh sektor swasta, khususnya sektor perbankan. Sektor awam mencatat aliran keluar yang kecil disebabkan oleh pembayaran balik bersih bagi pinjaman luar.

Hutang luar negeri bertambah

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM262.6 bilion atau USD81.6 bilion pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 2011: RM241.6 bilion atau USD79.1 bilion), bersamaan dengan 32% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang adalah lebih tinggi pada RM157.8 bilion (akhir bulan Jun 2011: RM149.2 bilion), mencerminkan kedudukan peminjaman bersih sektor swasta dan pertambahan hutang susulan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut. Dalam sektor swasta, hutang yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya peminjaman antara syarikat dalam subsektor E&E, penjagaan kesihatan dan runcit. Walaupun perusahaan awam bukan kewangan (PABK) mencatat kedudukan pembayaran balik bersih, hutang jangka sederhana dan panjang sektor awam meningkat berikutan kejayaan Kerajaan Persekutuan menerbitkan Sukuk Global Wakala secara dua tranche (5 tahun dan 10 tahun) bernilai USD2 bilion.

Pada akhir bulan September 2011, **hutang luar negeri jangka pendek** berjumlah RM104.8 bilion atau USD32.6 bilion (akhir bulan

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2010	2011	
	akhir-Sep[a]	akhir-Jun[a]	akhir-Sep[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	146.7	149.2	157.8
Sektor awam	84.1	80.0	83.8
Sektor swasta	62.6	69.3	74.0
Hutang jangka pendek[1]	80.7	92.3	104.8
Jumlah hutang luar negeri	**227.4**	**241.6**	**262.6**
bersamaan USD bilion	73.0	79.1	81.6
Hutang Luar Negeri/PNK	30.8	29.5	32.0
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek	3.9	4.4	4.1[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2011
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jun 2011: RM92.3 bilion), mencerminkan terutamanya peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 39.9% daripada jumlah hutang luar negeri. Paras rizab antarabangsa terkini pada 31 Oktober 2011 ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.


Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM417.2 bilion (bersamaan dengan USD131 bilion) pada 30 September 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi peningkatan nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut. Pada 31 Oktober 2011, kedudukan rizab meningkat kepada RM429.1 bilion, bersamaan dengan USD134.8 bilion, memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal bertambah berikutan perbelanjaan Kerajaan lebih tinggi

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat pada suku ketiga, mengakibatkan defisit fiskal keseluruhan yang lebih tinggi sebanyak 6.0% daripada KDNK. Perbelanjaan mengurus meningkat disebabkan oleh pembayaran emolumen, subsidi, serta geran dan pemindahan kepada badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan juga lebih tinggi pada suku tersebut, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang bertambah dalam sektor perdagangan dan industri, serta kemudahan awam. Defisit ini dibiayai oleh terbitan sekuriti kerajaan dan hasil daripada Sukuk Global Wakala yang diterbitkan pada 6 Julai 2011. Pada akhir bulan September 2011, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah RM440.8 bilion atau 52.0% daripada KDNK.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia


Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2010		2011[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	43.1	45.8	39.8	49.6	48.3
% pertumbuhan	*5.7*	*7.6*	*38.4*	*18.3*	*12.1*
Perbelanjaan mengurus	38.6	44.1	38.7	40.6	48.8
% pertumbuhan	*3.9*	*-4.6*	*21.2*	*9.5*	*26.6*
Akaun semasa	**4.6**	**1.7**	**1.1**	**9.1**	**-0.5**
% daripada KDNK	***2.4***	***0.8***	***0.5***	***4.3***	***-0.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	12.5	20.8	6.4	8.3	12.6
% pertumbuhan	*8.0*	*18.6*	*-12.0*	*-31.3*	*0.3*
Imbangan keseluruhan	**-7.8**	**-18.2**	**-5.2**	**0.8**	**-12.8**
% daripada KDNK	***-4.0***	***-8.9***	***-2.6***	***0.4***	***-6.0***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	51.1	64.9	45.1	48.9	61.4
% pertumbuhan	*4.9*	*1.8*	*15.0*	*-0.5*	*20.1*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	397.8	407.1	430.2	437.2	440.8
% daripada KDNK	*51.9*	*53.1*	*50.8*	*51.6*	*52.0*
Hutang dalam negeri	381.4	390.4	414.2	421.0	422.8
% daripada KDNK	*49.8*	*51.0*	*48.9*	*49.7*	*49.9*
Hutang luar negeri	16.4	16.7	15.9	16.2	18.1
% daripada KDNK	*2.1*	*2.2*	*1.9*	*1.9*	*2.1*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN


Kadar faedah terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku ketiga 2011, susulan kenaikan 25 mata asas pada bulan Mei. Pada tahap semasa, OPR terus menyokong aktiviti ekonomi. Pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan penilaian bahawa ketidakpastian yang lebih ketara berikutan perkembangan global yang telah menyebabkan wujudnya peningkatan risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) stabil, mencerminkan OPR yang tidak berubah. Pada tempoh 1 Julai hingga 30 September 2011, AOIR bergerak dalam julat 2.79% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain turut stabil.

Walau bagaimanapun, kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swap, IRS) dan pasaran hadapan 3 bulan KLIBOR merosot pada suku ketiga, mencerminkan jangkaan yang semakin berkurang terhadap peningkatan OPR pada masa hadapan berikutan ketidakpastian yang membelenggu pertumbuhan global dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia.


Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia


Kadar deposit runcit stabil pada suku tersebut. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata secara relatif tidak berubah. Pada akhir

Swap Kadar Faedah: Kadar



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR




Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)				
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.75	2.75	2.75	3.00	3.00
Kadar antara bank					
Semalaman	2.73	2.72	2.74	2.97	2.99
1 bulan	2.81	2.83	2.79	3.08	3.09
Kadar berian pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	6.27	6.27	6.27	6.54	6.54
Kadar pinjaman purata (ALR)					
Bank perdagangan	5.19	5.05	5.06	5.07	5.05
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
3 bulan	2.73	2.74	2.74	2.99	3.00
12 bulan	2.95	2.97	2.98	3.23	3.22

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

bulan September, kadar FD disebut purata bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.95% hingga 3.22%,

Kos peminjaman juga stabil antara bulan Julai hingga September 2011. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.54%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga kekal stabil pada 5.70% pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 11: 5.71%). Dengan kadar pinjaman runcit masih di bawah paras prakrisis, kos pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi.

M3 terus meningkat pada suku ketiga

Agregat monetari terus berkembang pada suku ketiga. M1 atau wang secara kecil, bertambah sebanyak RM2.5 bilion pada suku tersebut. Pada asas tahunan, M1 bertambah sebanyak 13.3% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 14.5%). M3 atau wang secara luas, bertambah sebanyak RM28.8 bilion pada asas suku tahunan dan mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.5% pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 11: 12.4%).

Pertambahan M3 pada suku ketiga disokong oleh peningkatan pinjaman yang berterusan, mencerminkan aktiviti ekonomi yang mampan. Peningkatan perbelanjaan oleh Kerajaan juga telah menambahkan kesan pengembangan ini terhadap M3. Sementara itu, aliran keluar modal bersih mengakibatkan kemerosotan dalam aset asing bersih institusi perbankan, yang seterusnya menyebabkan kesan penguncupan terhadap wang secara luas.


Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**24.1**	**30.5**	**28.0**	**44.9**	**28.8**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	2.7	-3.4	-3.7	-11.4	10.4
Tuntutan terhadap sektor swasta	22.5	29.1	22.8	37.8	20.2
Pinjaman	*17.2*	*28.6*	*26.5*	*29.3*	*22.6*
Sekuriti	*5.3*	*0.5*	*-3.7*	*8.5*	*-2.4*
Aset asing bersih[1]	17.3	17.3	25.1	72.7	3.5
BNM	*5.9*	*17.2*	*15.7*	*61.7*	*10.7*
Sistem Perbankan	*11.3*	*0.1*	*9.3*	*11.0*	*-7.2*
Pengaruh lain	*-18.4*	*-12.5*	-16.1	-54.2	-5.3

[1] Sebelum penilaian semula


Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia


Pembiayaan sektor swasta kekal berdaya tahan

Aktiviti pembiayaan pada suku ketiga kekal berdaya tahan dengan jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal pada RM223.9 bilion (S2 11: RM224.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.8%).

Penunjuk pinjaman utama kekal teguh pada suku ketiga. Dalam sektor perniagaan, sebahagian besar pinjaman dikeluarkan untuk membiayai keperluan modal kerja dalam sektor *perkilangan*; *borong dan runcit*, *restoran dan hotel*; *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan* dan *pembinaan*. Permintaan untuk pembiayaan baharu oleh perniagaan menjadi sederhana sedikit dengan permohonan terutamanya daripada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perkilangan serta bekalan elektrik, gas* dan *air*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 14.1% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.1%). Peningkatan pinjaman perniagaan terkumpul adalah menyeluruh merentas semua sektor utama.


Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga kekal tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada isi rumah turut meningkat pada suku ketiga, terutamanya untuk *pembelian harta kediaman dan bukan kediaman* dan *kegunaan peribadi*. Meskipun permintaan bagi pembiayaan oleh isi rumah adalah berterusan, permintaan menjadi sederhana merentas subsektor lain pada suku tersebut. Dengan itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM15.2 bilion pada suku ketiga dan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.8%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah pembiayaan kasar	**189.4**	**221.0**	**201.4**	**224.9**	**223.9**	**4.4**	**2.1**	**6.1**	**10.6**	**18.2**
Pengeluaran pinjaman*	176.1	188.9	188.6	200.8	202.1	5.1	1.0	8.2	8.4	14.8
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	11.2	17.4	11.6	20.3	18.0	-11.3	5.9	161.3	45.9	61.1
Ekuiti	2.1	14.7	1.1	3.8	3.8	73.6	12.0	-89.9	-9.7	79.3
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**22.0**	**36.9**	**32.8**	**51.2**	**31.4**	**10.6**	**10.9**	**12.1**	**12.8**	**13.4**
Sistem perbankan	22.9	29.5	25.9	38.9	25.9	11.0	11.9	12.4	13.1	13.1
Baki pinjaman (A)	*19.2*	*29.1*	*28.8*	*35.6*	*24.6*	*11.8*	*12.7*	*13.2*	*13.5*	*13.8*
Pemegangan PDS	*3.7*	*0.4*	*-2.8*	*3.3*	*1.3*	*1.3*	*1.9*	*2.1*	*7.7*	*3.4*
PDS terkumpul (B)	2.8	7.8	4.0	15.6	6.8	7.1	5.9	8.7	10.6	11.9
Memoranda										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	14.4	18.3	12.2	20.9	19.1	6.5	11.4	161.3	42.0	32.4

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah										
Permohonan pinjaman	176.3	173.5	168.5	199.2	182.9	30.1	22.9	26.8	25.5	3.7
Kelulusan pinjaman	91.2	91.8	87.6	109.7	97.3	25.5	14.1	25.0	21.4	6.7
Pengeluaran pinjaman	176.1	188.9	188.6	200.8	202.1	5.1	1.0	8.2	8.4	14.8
Bayaran balik pinjaman	165.2	167.9	168.1	173.8	188.2	13.4	3.4	8.8	7.4	13.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	19.2	29.1	28.8	35.6	24.6	11.8	12.7	13.2	13.5	13.8
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	84.7	82.1	79.6	96.6	85.7	40.6	34.1	32.6	34.8	1.1
Kelulusan pinjaman	43.7	43.4	38.9	55.4	46.2	47.5	17.0	32.8	29.2	5.8
Pengeluaran pinjaman	116.5	124.6	122.1	134.8	135.9	5.9	-1.2	4.2	7.8	16.6
Bayaran balik pinjaman	113.6	113.0	109.8	116.9	130.2	15.7	0.2	4.3	5.0	14.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.1	13.4	11.3	11.6	8.7	7.1	9.4	10.9	12.1	14.1
PKS**										
Permohonan pinjaman	32.0	34.2	37.7	44.7	40.0	12.2	14.9	35.0	30.6	25.2
Kelulusan pinjaman	14.7	14.4	16.4	19.2	18.8	18.3	13.5	27.3	20.9	27.7
Pengeluaran pinjaman	35.3	39.8	41.6	42.7	47.0	-1.3	4.0	17.3	16.6	33.4
Bayaran balik pinjaman	33.9	37.4	37.2	36.6	41.9	3.2	7.3	11.4	13.1	23.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.8	3.5	3.4	7.5	5.7	4.5	2.4	2.4	14.1	16.1
Syarikat besar										
Permohonan pinjaman	52.8	47.9	41.9	51.8	45.7	66.0	52.3	30.5	38.8	-13.4
Kelulusan pinjaman	29.0	29.1	22.4	36.3	27.5	68.5	18.9	37.1	34.1	-5.3
Pengeluaran pinjaman	81.3	84.8	80.4	92.0	88.8	9.3	-3.4	-1.5	4.2	9.3
Bayaran balik pinjaman	79.7	75.6	72.6	80.2	88.3	22.0	-3.0	1.1	1.7	10.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-0.7	9.8	7.9	4.1	3.0	8.7	14.2	17.0	10.8	12.8
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	91.6	91.4	88.9	102.6	97.2	21.6	14.3	22.0	17.8	6.2
Kelulusan pinjaman	47.5	48.3	48.8	54.3	51.0	10.3	11.5	19.4	14.3	7.5
Pengeluaran pinjaman	59.6	64.3	66.6	66.1	66.2	3.5	5.6	16.4	9.6	11.1
Bayaran balik pinjaman	51.6	54.9	58.3	57.0	58.0	8.5	10.6	18.4	12.8	12.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	14.8	14.2	14.8	15.4	15.2	13.3	13.4	13.2	12.8	12.5

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Baki pinjaman
	Pada tempoh					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S3 10	S4 10	S1 11	S2 11	S3 11	S3 11	
	(RM bilion)					(%)	
Perusahaan perniagaan	**116.5**	**124.6**	**122.1**	**134.8**	**135.9**	**67.2**	**45.0**
Syarikat besar	*81.3*	*84.8*	*80.4*	*92.0*	*88.8*	*44.0*	*30.1*
*PKS**	*35.3*	*39.8*	*41.6*	*42.7*	*47.0*	*23.3*	*14.9*
Sektor terpilih							
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	4.8	5.3	5.6	5.9	5.3	2.6	2.1
Perlombongan dan kuari	0.9	1.2	1.1	1.1	1.6	0.8	0.4
Perkilangan	36.1	36.8	41.2	42.0	44.9	22.2	9.4
Pembinaan	11.3	11.9	10.3	10.1	10.8	5.3	3.9
Harta tanah	6.9	7.5	6.4	8.5	8.9	4.4	4.9
Bekalan elektrik, gas dan air	0.9	2.6	1.5	1.2	1.6	0.8	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	30.6	30.9	30.8	33.8	37.2	18.4	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.2	4.3	4.4	4.3	4.6	2.3	2.8
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	13.0	17.8	14.9	18.7	13.0	6.4	7.5
Isi rumah	**59.6**	**64.3**	**66.6**	**66.1**	**66.2**	**32.8**	**55.0**
Pembelian harta kediaman	13.7	15.1	15.0	15.7	16.8	8.3	25.5
Kredit penggunaan	38.2	39.9	40.1	40.9	40.3	20.0	19.9
Antaranya:							
Kad kredit	*21.3*	*23.4*	*23.3*	*24.2*	22.7	11.3	3.2
Pembelian kereta penumpang	*9.4*	*9.1*	*8.9*	*8.6*	*8.8*	*4.4*	*11.8*
Lain-lain	7.7	9.3	11.4	9.5	*9.1*	*4.5*	*9.6*
Jumlah	**176.1**	**188.9**	**188.6**	**200.8**	**202.1**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal dipacu oleh sektor swasta

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku ketiga berjumlah RM12.7 bilion (S2 11: RM20.8 bilion). 88% daripada jumlah ini atau RM11.1 bilion diperoleh sektor swasta, terutamanya melalui sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Pada suku tersebut, terbitan PDS baharu berjumlah RM19.1 bilion (S2 11: RM20.9 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh untuk modal kerja dan tujuan korporat am. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti tidak berubah berbanding dengan suku sebelumnya iaitu sebanyak RM3.8 bilion. Sebahagian besar dana diperoleh melalui tawaran awam awal (RM3.2 bilion), manakala bakinya diperoleh melalui terbitan hak (RM0.7 bilion).

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**8.9**	**7.1**	**24.6**	**3.5**	**1.6**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	9.0	7.1	24.6	5.0	1.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*9.9*	*6.6*	*15.1*	*16.7*	*14.0*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*6.0*	*3.0*	*9.5*	*10.0*	*10.8*
Tolak: Penebusan	*7.0*	*2.5*	-	*21.8*	23.2
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	(0.1)	(0.1)	(1.4)	(0.0)
Oleh Sektor Swasta	**7.9**	**23.4**	**5.1**	**17.3**	**11.1**
Saham	2.1	14.7	1.1	3.8	3.8
Sekuriti hutang, *bersih*	5.8	8.7	4.0	13.5	7.3
Sekuriti Hutang Swasta	*14.4*	*18.3*	*12.2*	*20.9*	*19.1*
Tolak: Penebusan	*8.6*	*19.6*	*8.2*	*7.4*	*11.8*
Jumlah	**16.8**	**30.5**	**29.7**	**20.8**	**12.7**


Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Dalam sektor awam, dana kasar sebanyak RM24.8 bilion diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 7 tahun, serta pembukaan semula MGS 5 tahun dan 15 tahun, dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 5 tahun dan 10 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku ketiga berjumlah RM1.6 bilion.

Kadar hasil bon terus menurun pada suku ketiga

Kadar hasil MGS menurun pada bulan Julai dan Ogos 2011, berikutan permintaan yang berterusan daripada pemastautin dan bukan pemastautin ekoran kebimbangan berlakunya kemelesetan dua kali dalam ekonomi maju. Kadar hasil mengalami tekanan yang lebih tinggi pada bulan September susulan penurunan dalam pemegangan MGS oleh bukan pemastautin disebabkan krisis hutang kerajaan yang bertambah buruk di Eropah. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, kadar hasil terus menurun, dengan tanda aras MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 1, 11 dan 23 mata asas.


Terbitan Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am


Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend Kadar Hasil MGS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil MGS (5 tahun) dan Kadar Hasil Bon Korporat (5 tahun)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bon korporat turut mencatat penurunan sedikit, sejajar dengan kadar hasil MGS. Kadar hasil bagi kertas penarafan AAA dan AA 5 tahun mencatat penurunan kecil masing-masing sebanyak 2.2 dan 8.7 mata asas, manakala kadar hasil bagi kertas penarafan A merosot sebanyak 12.7 mata asas.

Urus niaga sekunder terus bertambah dalam pasaran bon pada suku ketiga

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM344 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM268 bilion). Sama seperti suku sebelumnya, peningkatan tertumpu terutamanya pada sekuriti kerajaan, dengan segmen MGS dan segmen GII mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi, masing-masing pada 0.78 dan 0.99. Nisbah mudah tunai bagi segmen PDS kekal stabil pada 0.08.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul




Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI menurun pada suku ketiga

FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun 192 mata kepada 1,387.1 (akhir bulan Jun: 1,579.1) mencerminkan penurunan sebanyak 12.2% pada suku ketiga (S2 11: +2.2%). Penurunan ini sejajar dengan prospek ekonomi maju yang semakin merosot, serta ketidakpastian yang semakin meningkat dan penghindaran risiko yang semakin ketara dalam kalangan pelabur. Hasilnya, permodalan pasaran menurun kepada RM1.17 trilion pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: RM1.34 trilion). Urus niaga purata harian secara relatif tidak berubah pada 1.02 bilion unit pada S3 11 (S2 11: 1.04 bilion unit).

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada Tahun 2011 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2010		2011		
	Pada akhir				
	Sep	Dis	Mac	Jun	Sep
Indeks harga					
Komposit	1,463.5	1,518.9	1,545.1	1,579.1	1,387.1
FBMEMAS[1]	9,811.6	10,375.0	10,612.5	10,842.3	9,397.6
Pasaran ACE[2]	3,877.0	4,347.6	4,333.5	4,198.2	3,598.0
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,150.1	1,275.3	1,311.0	1,342.2	1,172.3
Bilangan syarikat yang disenaraikan	958	957	954	953	952
	Pada tempoh suku				
	S3	S4	S1	S2	S3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	920.9	1,276.5	1,730.1	1,038.8	1,018.9
Nilai (RM juta)	1,481.7	2,002.5	2,233.9	1,638.7	1,887.4

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2010				2011					
	S3		S3		S1		S2		S3	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	58.0	93.4	79.1	124.2	102.1	131.8	65.4	103.2	63.2	117.0
Antaranya:										
Papan Utama	49.3	91.7	65.7	121.1	84.1	128.4	49.5	100.0	47.4	114.4
Antaranya										
Produk Pengguna	4.2	5.0	3.6	5.5	4.0	5.4	4.0	5.0	2.9	4.9
Produk Industri	8.9	9.9	15.4	22.7	18.8	21.2	10.5	15.7	7.9	12.9
Pembinaan	4.5	8.5	4.5	8.7	4.6	9.0	2.8	5.9	3.3	6.1
Dagangan/Khidmat	15.1	34.5	19.3	40.0	33.5	46.2	17.2	36.5	15.7	42.6
Kewangan	3.5	18.7	4.6	22.7	4.4	24.6	4.7	20.9	5.7	31.1
Harta Benda	6.7	4.6	11.5	8.8	12.8	9.6	6.3	7.2	6.8	7.8
Perladangan	1.0	5.1	2.3	7.9	2.4	8.2	1.2	5.2	1.9	5.6
Infrastruktur	1.8	2.2	1.7	2.4	1.1	2.4	0.7	2.1	0.9	2.2
Pasaran Ace[1]	4.1	0.6	5.6	1.3	8.3	1.2	10.9	2.1	9.8	1.5

[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE


Sumber: Bursa Malaysia

Pada 16 November 2011, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,476.8 mata (sejak akhir bulan September: +6.5%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.27 trilion (sejak akhir bulan September: +7.9%).

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama


Pasaran pertukaran asing global mengalami turun naik ketara pada suku ketiga berikutan para pelabur menyelaras kedudukan masing-masing disebabkan oleh berlakunya pelbagai peristiwa penting yang menjejaskan ekonomi dunia. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga, sejajar dengan mata wang serantau lain. Penyusutan nilai ringgit, terutamanya pada bulan September 2011, mencerminkan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah dan juga kemampanan pemulihan ekonomi global yang telah mengakibatkan kegiatan penghindaran risiko yang lebih tinggi serta mendorong sebahagian pelabur untuk melupuskan pegangan aset pasaran sedang pesat membangun. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 5.3% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (1.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-2.2%) dan yen Jepun (-9.9%). Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan yen Jepun adalah sejajar dengan

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Julai - 30 September 2011)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama




Sumber: Bank Negara Malaysia

trend serantau. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (4.5%) dan dolar Singapura (0.2%), tetapi menyusut nilai berbanding

dengan rupiah Indonesia (-2.9%), baht Thailand (-4.0%), peso Filipina (-4.3%) dan renminbi China(-6.3%).

Pada tempoh antara 1 Oktober dan 16 November 2011, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%), yen Jepun (1.4%) dan euro (1.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.4%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan rupiah Indonesia (3.3%), dolar Singapura (0.4%) dan renminbi China (0.1%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (-0.1%), baht Thailand (-0.3%) dan won Korea (-3.0%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 10	S2 11	S3 11	21 Jul 05	S3 10	S2 11
Dolar AS	3.8000	3.0875	3.0205	3.1910	19.1	-3.2	-5.3
Euro	4.6212	4.1979	4.3820	4.3160	7.1	-2.7	1.5
Paun sterling	6.6270	4.8892	4.8648	4.9738	33.2	-1.7	-2.2
100 yen Jepun	3.3745	3.6943	3.7538	4.1663	-19.0	-11.3	-9.9
Dolar Singapura	2.2570	2.3442	2.4577	2.4537	-8.0	-4.5	0.2
100 baht Thailand	9.0681	10.151	9.8308	10.236	-11.4	-0.8	-4.0
100 peso Filipina	6.8131	7.0254	6.9649	7.2746	-6.3	-3.4	-4.3
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0346	0.0352	0.0362	6.7	-4.5	-2.9
100 won Korea	0.3665	0.2706	0.2826	0.2703	35.6	0.1	4.5
Renminbi China	0.4591	0.4615	0.4673	0.4988	-8.0	-7.5	-6.3

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia


MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan kekal utuh

Kestabilan kewangan kekal utuh sepanjang suku ketiga dalam keadaan luaran yang lebih mencabar dan persaingan dalam negeri yang semakin sengit. Keadaan ini disokong oleh institusi kewangan yang mempunyai permodalan yang kukuh yang memberikan sokongan berterusan kepada aktiviti pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri. Keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan juga terpelihara. Pasaran kewangan menunjukkan keupayaan untuk menyerap turun naik yang semakin meningkat ekoran kebimbangan tentang risiko kerajaan di AS dan kawasan Euro.

Risiko keseluruhan terhadap kestabilan kewangan kekal rendah, disokong oleh prospek risiko kredit yang stabil bagi sistem perbankan. Mutu pinjaman (termasuk pembiayaan Islam) terpelihara dengan jumlah nisbah pinjaman terjejas (peruntukan jejas nilai bersih) terus stabil pada 2.0% daripada pinjaman bersih (S2 11: 2.0%) dan jumlah pinjaman tertunggak (bagi tempoh satu bulan hingga kurang daripada tiga bulan) mencakupi 3.8% daripada pinjaman kasar (S2 11: 3.7%). Hutang isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 2.4% pada suku itu, manakala nisbah paras hutang isi rumah keseluruhan kepada KDNK secara relatif stabil pada 77.6% (S2 11: 77.2%). Sebahagian besar hutang isi rumah terus ditumpukan ke arah pengumpulan aset melalui pembelian harta kediaman dan kenderaan. Pemberian kredit oleh bank kepada isi rumah melalui pembiayaan peribadi dan kad kredit meningkat pada kadar yang lebih cepat tetapi terus mencakupi kurang 10% daripada keseluruhan pinjaman sistem perbankan, iaitu tidak berubah sejak tahun 2010. Secara agregat, keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh sektor isi rumah terus disokong oleh aset kewangan yang 2.3 kali jumlah hutang isi rumah (S2 11: 2.4 kali). Walau

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

bagaimanapun, terdapat beberapa segmen isi rumah yang berhadapan dengan cabaran disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat. Menyedari hal ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk meringankan beban kewangan kumpulan ini bagi membolehkan mereka menangani keadaan tersebut. Langkah-langkah itu akan memberikan sumbangan yang menggalakkan kepada kestabilan kewangan dan ekonomi secara keseluruhan. Jumlah pinjaman isi rumah terjejas meningkat sedikit untuk mencakupi 1.9% daripada pinjaman isi rumah kasar (S2 11: 2.0%), disebabkan oleh mutu pinjaman yang kukuh untuk pembelian harta kediaman.

Pada suku tersebut, pertumbuhan kredit dalam sektor perniagaan berkembang sebanyak 2.4% pada asas suku tahunan dalam keadaan pertumbuhan hasil perniagaan yang stabil, seiring dengan pengembangan aktiviti sektor benar. Risiko pinjaman tertunggak (risk of delinquency), seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, bagi perniagaan kekal amat rendah pada 0.8% (S2 11: 0.6%), disokong oleh keupayaan khidmat bayar balik hutang yang kukuh oleh sektor perniagaan. Nisbah pembayaran kepada pengeluaran terus meningkat kepada 96% (S2 11: 87%) manakala jumlah pinjaman


terjejas lebih baik untuk mencakupi 4.4% daripada pinjaman perniagaan kasar (S2 11: 4.6%). Meskipun ketidakpastian adalah lebih tinggi dalam pertumbuhan global dan harga komoditi terus tinggi, prospek risiko kredit bagi sektor perniagaan kekal neutral.

Pasaran kewangan domestik mengalami turun naik yang lebih ketara dan beberapa aliran keluar pada suku tersebut, namun terus teratur dengan keupayaan untuk menyerap perubahan jumlah. Kebimbangan berterusan terhadap hutang kerajaan di Eropah dan penurunan penarafan sesetengah institusi kewangan AS memberikan kesan yang amat terhad terhadap sistem kewangan Malaysia lantaran institusi kewangan Malaysia mempunyai dedahan dalam denominasi mata wang asing yang minimum di institusi kewangan negara-negara tersebut. Berdasarkan hasil ujian ketahanan dalam senario ekonomi paling buruk, sistem kewangan juga terus berdaya tahan terhadap limpahan tidak langsung melalui saluran perdagangan dan ekonomi. Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti kekal kecil pada 0.7% daripada modal asas (S2 11: 1.3%), manakala dedahan sektor insurans dan takaful terhadap risiko ekuiti adalah lebih rendah pada 6.6% daripada modal asas (S2 11: 7.3%) berikutan langkah-langkah yang diambil oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mengurangkan pemegangan ekuiti dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. Risiko kadar faedah kekal terurus pada 4.9% daripada modal asas (S2 11: 6.0%) bagi sistem perbankan dan 3.4% daripada modal asas (S2 11: 3.3%) bagi sektor insurans dan takaful.

Sektor kewangan kekal berdaya tahan


Permodalan sistem perbankan terus teguh dengan nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko terus kukuh, masing-masing pada 12.5% (S2 11: 13.0%) dan 14.6% (S2 11: 14.6%). Kira-kira 85% daripada jumlah modal terdiri daripada modal Kumpulan 1 berkualiti tinggi terutamanya dalam bentuk modal berbayar dan rizab. Modal melebihi keperluan minimum kawal selia 8.0% kekal tinggi pada RM67.8 bilion, justeru memberikan sistem perbankan keupayaan

Sistem Perbankan: Permodalan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

kukuh untuk menyerap sebarang kerugian tidak dijangka yang disebabkan oleh keadaan pasaran dan ekonomi yang buruk. Permodalan sektor insurans dan takaful juga terus teguh dengan nisbah kecukupan modal pada 221.1% (S2 11: 223.2%) dan lebihan modal sebanyak RM18.6 bilion.

Sektor perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.7 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM6.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh hasil yang berterusan daripada aktiviti pembiayaan, dan perbelanjaan kakitangan yang lebih rendah (-22.8% pada asas suku tahunan) dan peruntukan kerugian pinjaman (pemulihan bersih) (-1.4% pada asas tahunan). Oleh itu, pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing terus stabil pada 1.6% (S2 11: 1.7%) dan 18.2% (S2 11: 18.2%). Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion (S2 11: RM3.8 bilion), manakala penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat keuntungan kendalian lebih rendah sebanyak RM476.0 juta (S2 11: RM557.2 juta) pada suku ketiga. Keuntungan insurans hayat dan takaful keluarga menurun disebabkan terutamanya oleh kerugian penilaian pasaran yang lebih tinggi dalam portfolio pelaburan ekuiti, seiring dengan turun naik yang lebih ketara dalam pasaran modal. Keuntungan kendalian lebih rendah yang dicatat oleh sektor perniagaan am sebahagian besarnya disebabkan oleh tuntutan lebih tinggi yang ditanggung pada suku ketiga dengan nisbah tuntutan keseluruhan sebanyak 62.1% (S2 11: 61.3%). Segmen perniagaan motor di bawah 'akta' terus mencatat kerugian besar dengan nisbah tuntutan sebanyak 286.9% (S2 11: 284.3%).

Mudah tunai keseluruhan dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan pengeluaran deposit dan kewajipan mudah tunai lain. Penampan mudah tunai sistem perbankan kekal jauh melebihi keperluan kawal selia minimum, mencakupi 19.0% daripada jumlah deposit bagi keperluan mudah tunai yang matang dalam tempoh satu bulan.

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
		RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	5,062.8	3,151.3	3,238.5	3,775.3	1,315.0
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	480.9	563.7	562.9	557.2	476.0
Nisbah tuntutan (%)	62.2	62.1	61.2	61.3	62.1

Sumber: Bank Negara Malaysia

KALENDAR PERISTIWA
Julai - September 2011

7 Julai 2011

Pada mesyuarat yang keempat bagi tahun 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00%. Penilaian MPC ialah risiko kepada inflasi masih berterusan. Menurut MPC lagi, meskipun prospek pertumbuhan terus positif, wujud ketidakpastian yang lebih ketara berikutan perkembangan pada peringkat global yang telah menyebabkan terdapatnya risiko pertumbuhan yang lebih perlahan. Melangkah ke hadapan, MPC akan membuat penilaian yang teliti terhadap perkembangan keadaan ekonomi dan jika didapati momentum pertumbuhan berterusan, langkah untuk terus mengembalikan keadaan monetari ke tahap yang lebih wajar akan dipertimbangkan bagi memelihara kestabilan harga. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan kenaikan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 3.00% kepada 4.00% berkuat kuasa 16 Julai 2011, sebagai langkah awalan untuk menguruskan peningkatan mudah tunai yang ketara, yang mungkin menyebabkan keadaan kewangan yang tidak seimbang dan mewujudkan risiko ketidakstabilan kewangan. Pada mesyuarat MPC yang berikutnya pada 8 September, MPC mengekalkan OPR pada paras yang sama, dan menyatakan bahawa MPC akan terus membuat penilaian yang teliti terhadap perkembangan dalam persekitaran inflasi dan ekonomi, dan menyelaraskan keadaan monetari dengan sewajarnya bagi memastikan kemampanan pertumbuhan dan kestabilan harga.

18 - 19 Julai 2011

Bank Negara Malaysia dan Bank Indonesia telah menjadi tuan rumah bersama bagi Persidangan Bersama Peringkat Tinggi Mengenai Kewangan Islam di Jakarta, Indonesia. Persidangan yang bertemakan “Mengeratkan Hubungan Kewangan ke arah Kemakmuran Ekonomi” ini telah dihadiri oleh lebih 400 peserta yang terdiri daripada pengamal profesional kewangan Islam daripada institusi perbankan, syarikat pengurusan dana dan kekayaan, penyedia perkhidmatan profesional serta institusi pengajian tinggi dari kedua-dua negara. Dalam ucapan alu-aluannya, Gabenor Dr. Zeti telah menyatakan aspirasi beliau supaya pengantara kewangan di rantau Nusantara, khususnya Malaysia dan Indonesia merebut peluang pengantarabangsaan kewangan Islam bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi dan kewangan antara kedua-dua negara jiran itu. Persidangan itu juga menyaksikan dua Memorandum Persefahaman ditandatangani, iaitu antara Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dengan Asosiasi Bank Syariah Indonesia (ASBISINDO) bagi kerjasama dalam pengurusan mudah tunai, dan antara Maybank Islamic Berhad dengan Bank Syariah Mandiri berhubung dengan pembangunan produk, pembiayaan perdagangan dan pengurusan mudah tunai.

20 Julai 2011

Bank Negara Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan Meja Bulat Forum Rasmi Institusi Monetari dan Kewangan (Official Monetary and Financial Institutions Forum, OMFIF) yang memberikan peluang kepada peserta industri untuk mendapat maklumat mengenai perkembangan ekonomi dan cabaran di Eropah termasuk isu berkaitan dengan krisis hutang kerajaan Eropah serta perspektif Asia mengenai isu tersebut. Persidangan Meja Bulat tersebut dipengerusikan bersama oleh Gabenor Dr. Zeti dan Gabenor Yves Mersch, Bank Pusat Luxembourg dan temanya tertumpu pada "Cabaran dan Perspektif Antarabangsa Ketika Asia Mengalihkan Simpanan kepada Pembangunan Ekonomi Dalam Negeri". Persidangan Meja Bulat itu disertai oleh ketua-ketua industri, iaitu, Tan Sri Zarinah Anwar, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Azman Mokhtar, Pengarah Urusan Khazanah Nasional; Encik Steven Choy, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif institusi-institusi kewangan di Malaysia.

25 Julai 2011

Bank Negara Malaysia mengeluarkan duit syiling peringatan sempena pengeluaran Siri Ketiga duit syiling Malaysia yang baharu. Siri duit syiling baharu yang dikeluarkan dalam denominasi 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen ini mendapat inspirasi daripada ciri-ciri unik yang mencorakkan budaya dan warisan negara. Motif reka bentuk duit syiling ini memaparkan keindahan alam semula jadi, flora dan fauna serta seni kraf tangan tradisional yang terdapat di Malaysia. Duit syiling ini lebih kecil dan ringan untuk memudahkan orang ramai menggunakannya. Duit syiling berwarna kuning dan perak ini juga mempunyai sisi tepi yang berbeza-beza bagi memudahkan orang ramai dan mereka yang kurang upaya penglihatan untuk mengenali dan membezakan denominasi yang berlainan. Siri duit syiling yang baharu ini dibuat menggunakan kemajuan terkini dalam teknologi pembuatan duit syiling dengan memasukkan ciri-ciri keselamatan yang lebih baik untuk mengelak daripada pemalsuan, serta dari jenis yang lebih berkualiti dan tahan lama.

1 Ogos 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan langkah-langkah baharu mengenai insurans motor yang bertujuan untuk memastikan pengguna diberikan nasihat sewajarnya apabila membeli perlindungan insurans motor komprehensif untuk kereta persendirian. Berkuat kuasa serta-merta, penanggung insurans (serta pengendali takaful) dan ejen mereka dikehendaki menasihati pengguna tentang perkara berikut sebelum mereka membeli dan memperbaharui polisi insurans motor mengenai: (i) nilai pasaran semasa kereta, (ii) pentingnya menginsuranskan kenderaan pada nilai pasaran yang bersesuaian dan (iii) kesan daripada insurans berlebihan atau insurans terkurang apabila tuntutan dibuat. Langkah-langkah ini akan menyumbang ke arah penentuan nilai pasaran kenderaan motor yang lebih objektif bagi tujuan pembelian insurans motor dan penyelesaian tuntutan. Langkah-langkah ini juga melengkapi langkah-langkah insurans motor sedia ada yang menggalakkan layanan adil terhadap pengguna.

17 Ogos 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.0% pada suku kedua 2011, didorong oleh pengembangan dalam permintaan swasta dalam negeri. Dari segi penawaran, sebahagian besar sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif, kecuali sektor perlombongan. Pertumbuhan ini diterajui oleh pertumbuhan kukuh terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Kadar inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.3% pada suku kedua, didorong oleh faktor penawaran. Dalam satu pengumuman yang berasingan, Bank Negara Malaysia memberikan lebih kelonggaran kepada bank-bank asing diperbadankan di Malaysia yang baru mendapat lesen dan yang sedia ada daripada mematuhi keperluan nisbah taburan (distribution ratio requirement) bagi penubuhan cawangan. Kelonggaran ini akan memudahkan bank-bank tersebut memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada segmen pelanggan sasaran dan bidang pengkhususan (niche areas) mereka. Di bawah garis panduan yang sedia ada, bank asing diperbadankan di Malaysia boleh membuka sehingga lapan cawangan tambahan, tertakluk kepada nisbah taburan yang telah ditentukan iaitu 1 (pusat bandar): 2 (separa bandar): 1 (luar bandar).

25 Ogos 2011

Gabenor Dr. Zeti telah diisytiharkan sebagai “Ketua Bank Pusat Tebaik Dunia (The World’s Best Central Bankers)” sepanjang tahun lalu oleh Majalah *Global Finance* yang berpangkalan di New York, bersama-sama dengan lima ketua bank pusat negara lain. Gabenor dan lima ketua bank pusat lain memperoleh gred “A” dalam rencana tahunan yang diterbitkan oleh majalah tersebut yang bertajuk *Central Banker Report Cards 2011* bagi kejayaan dalam bidang seperti kawalan inflasi, sasaran pertumbuhan ekonomi, kestabilan mata wang dan pengurusan kadar faedah.

6 September 2011

Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) telah dianugerahkan “Pusat Kewangan Islam Terbaik” bagi tahun ketiga berturut-turut pada *Annual Asset Triple A Islamic Finance Award 2011*. Selepas tempoh pembangunan yang mengambil masa beberapa dekad, Malaysia telah berkembang menjadi hab kewangan Islam yang paling dinamik di rantau Asia Pasifik. Penunjuk kejayaannya ialah negara dan kawasan merentas Lingkaran Pasifik, di Eropah dan Timur Tengah kini mengambil contoh dan inisiatif Malaysia sebagai inspirasi untuk melonjakkan kewangan Islam masing-masing.

14 September 2011

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, telah merasmikan pembukaan Sasana Kijang iaitu pusat kecemerlangan ilmu dan pembelajaran dalam perbankan pusat dan kewangan Bank Negara Malaysia. Sasana Kijang juga menempatkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN). Direka khusus untuk menjadi pusat bagi kepimpinan berwawasan dan kerjasama dalam perbankan pusat, Sasana Kijang merupakan sebuah pusat pembelajaran yang dilengkapi dengan kemudahan yang serba canggih dan moden bagi menyokong program yang berstruktur dan seminar peringkat tinggi untuk peserta tempatan dan asing selain menyediakan peluang untuk mereka bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dalam usaha membina keupayaan perbankan pusat agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang bakal mendatang. Selain itu, Sasana Kijang juga menempatkan Pusat Pengurusan Pengetahuan dan Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia.

28 - 29 September 2011

Bank Negara Malaysia telah menganjurkan seminar mengenai Kewangan Islam di Istanbul, Turki, bagi menyokong inisiatif MIFC. Bertemakan “Malaysia dan Turki: Laluan Sutera Baharu dalam Kewangan Islam - Strategi bagi Kerjasama dan Perkongsian Pintar”, seminar ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara dan menandakan peningkatan pengantarabangsaan kewangan Islam atau kewangan Serta Sama (Participative finance). Tujuan ini dimanifestasikan melalui pertambahan bilangan institusi kewangan Islam yang beroperasi dalam kawasan baharu, peningkatan penyertaan antarabangsa dalam pasaran kewangan Islam dan aliran aktiviti kewangan Islam merentas sempadan yang meningkat. Seminar tersebut juga menyediakan wadah bagi masyarakat kewangan dan perniagaan Malaysia dan Turki untuk berkongsi dan bertukar-tukar pengetahuan dan pandangan industri mengenai pembangunan pasaran kewangan Islam.